

MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA INDUSTRI 2006



Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah meraikan lebih daripada 190 wakil-wakil industri di Majlis Makan Malam Bersama Industri 2006. Majlis yang diadakan di Hotel Eastern & Oriental, Pulau Pinang dan di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur diadakan untuk memberi penghargaan kepada pihak industri yang banyak memberi sumbangan dan kerjasama untuk mempertingkatkan program akademik dan pembangunan KUKUM.

Rektor KUKUM, Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, bagi menjayakan matlamat utama iaitu melahirkan jurutera berkemahiran tinggi, KUKUM menubuhkan Pusat Kerjasama Industri dengan tujuan merangka, melaksana dan membantu kolej menjalankan kerjasama bagi kakitangan dan pelajar membabitkan industri.

Hasil daripada itu, KUKUM telah menghantar kumpulan pertama pelajarinya menjalani latihan industri pada Disember 2004. Ia kursus wajib diduduki pelajar bagi memenuhi syarat yang ditentukan Lembaga Kejuruteraan Malaysia. Pelajarnya akan ditempatkan di industri mengikut kesesuaian bidang selama empat hingga enam bulan. Malah, program ini menyumbang unit kredit kepada keputusan EIT300.

Menurutnya lagi, KUKUM kini boleh berbangga apabila kira-kira 70 peratus daripada seramai 108 pelajar tahun akhir yang bakal ditauliahkan graduan pada majlis konvokesyen pertamanya pada 22 Julai depan, sudah mendapat tawaran pekerjaan.

Antara pihak industri yang hadir pada malam itu, Penerbangan Malaysia (MAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Hicom Engineering Sdn. Bhd, Mimos Bhd (Mimos) dan Sirim Bhd (Sirim). Turut hadir, Pengarah Pusat Kerjasama Industri, Profesor Mohd. Shuid Salleh; Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Profesor Dr. Ali Yeon Md Shakaff dan Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamil.